

12/08/2002

Rakyat diminta tidak timbul isu perkauman

Jamaludin Husin; Sariha Mohd Ali; Saufi Hamzah

MUAR, Ahad - Rakyat diingatkan supaya tidak menimbulkan isu perkauman yang boleh menggugat perpaduan kaum di negara ini sekali gus menjejaskan usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) mewujudkan kesejahteraan kepada rakyat dan kemakmuran negara.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata rakyat pelbagai kaum perlu terus memberikan sokongan kepada kerajaan BN yang sentiasa prihatin terhadap masalah rakyat, tanpa mengira kepentingan politik sesuatu kaum.

Beliau berkata, Umno yang menjadi tunggak pemerintahan kerajaan BN juga tidak pernah mengabaikan kepentingan kaum lain apabila memperkenalkan dasar baru sama ada pembangunan, ekonomi dan pendidikan.

"Langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik di sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan tahun depan bertujuan memastikan pelajar semua kaum tidak ketinggalan menguasai pengetahuan dalam kedua-dua bidang itu.

"Langkah yang diambil itu membolehkan masyarakat menguasai lebih banyak ilmu pengetahuan terutama dalam pelbagai bidang teknologi sama ada kejuruteraan, perubatan dan multimedia," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dengan kedudukan sekolah Cina.

Perdana Menteri mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman.

Berucap ketika merasmikan jalan berturap di Kampung Sawah Kebun Baru dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Serampang di sini, semalam,

Muhyiddin berkata, kerajaan menyedari langkah memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu menyebabkan berlaku perselisihan pendapat di kalangan segelintir rakyat yang sengaja mencari isu bagi memburukkan kerajaan.

Di KUANTAN, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata dasar yang diperkenalkan kerajaan tidak pernah memihak atau menguntungkan kaum tertentu, sebaliknya ia memberi keutamaan supaya kepentingan rakyat pelbagai bangsa terus dipelihara.

Berikutan itu, katanya, keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan, perlu disokong semua kaum di negara ini kerana ia memberi faedah kepada semua rakyat.

Zaharah berkata, pemimpin masyarakat Cina sepatutnya memberi penerangan sebenar berhubung matlamat pelaksanaan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran berkenaan supaya tidak disalah anggap pihak tertentu.

"Jika pemimpin Cina mengganggu pengajaran bahasa Inggeris mengetepikan kepentingan masyarakat mereka, kita juga boleh mengatakan masyarakat Melayu turut mengalami masalah sama.

"Tetapi kita tidak berfikiran seperti itu kerana kita tinggal di Malaysia dan mempunyai dasar yang memelihara kepentingan semua kaum di negara ini," katanya selepas merasmikan program Bebas Tanpa Dadah dan Aids di Felda Bukit Kuantan dekat sini, hari ini.

Sementara itu, di GEORGETOWN, Naib Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata semua pandangan berhubung pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah Cina akan dikemukakan terus kepada

Kerajaan Pusat.

Beliau yang juga Ketua Menteri berkata, pandangan yang membina dan positif perlu disalurkan dengan sikap yang betul.

"Ini sendiri sudah disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) bahawa Kerajaan Pusat sudi menerima pandangan yang membina dan sesuai," katanya.

Minggu lalu, Koh dipetik sebagai berkata, Gerakan tidak membantah pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mulai tahun depan, tetapi meminta Kementerian Pendidikan mendapatkan pandangan ahli akademik berhubung pelaksanaannya.

Setiausaha MCA negeri, Datuk Koay Kar Huah, berkata kaum Cina mungkin memerlukan masa lebih panjang untuk berbincang dan menilai mengenai pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Katanya, masa yang diberikan adalah pendek memandangkan sekolah Cina sudah lama menggunakan bahasa Cina untuk pengajaran kedua-dua mata pelajaran berkenaan.

"Saya berpendapat kaum Cina perlu masa yang cukup untuk memikirkan lagi perkara ini. Sokongan mereka penting dalam pilihan raya nanti.

"Takut tak dapat sokongan daripada mereka. Mereka begitu sensitif mengenai soal ini," katanya.

Koay berkata, beliau bimbang timbulnya masalah di kalangan sekolah Cina apabila pelaksanaan pengajaran dua mata pelajaran berkenaan dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan.